

Impak Globalisasi Terhadap Perubahan Fungsi Bandar Kecil: Beberapa Penemuan di Batang Kali dan Bukit Beruntung, Selangor

Impact of Globalization on the Changes of Small Town Function: Some Findings from Batang Kali and Bukit Beruntung, Selangor

Yazid Saleh, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan & Kamarul Ismail

Kumpulan Penyelidik Impak Pembangunan dan Persekitaran, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak Malaysia.
e-mel: yazid@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Artikel ini menganalisis perubahan fungsi (ekonomi) bandar kecil di beberapa buah bandar kecil terpilih di Koridor Utara Negeri Selangor. Dengan menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan, didapati fungsi-fungsi tradisional bandar kecil tersebut sudah mula berubah. Penawaran fungsi seperti kedai baja, kedai peralatan pertanian dan kedai buah-buahan semakin merosot. Sebaliknya fungsi-fungsi yang lebih bersifat global seperti pasar raya besar, penghantar cepat dan hotel semakin bertambah. Penemuan ini merupakan petunjuk awal ke arah bagi membuktikan bahawa proses globalisasi telah memainkan peranannya dalam mempengaruhi perubahan fungsi di kawasan kajian. Ini kerana semakin banyak perubahan penawaran fungsi (dari fungsi tradisional kepada yang lebih moden) membawa maksud semakin kuat pengaruh globalisasi di kawasan tersebut dan penemuan ini penting bagi menunjukkan bahawa perkembangan wilayah metropolitan Lembah Klang-Langat (WMKL) kini mula tersebar serta memberi kesan melampaui kawasan pinggirannya yang dicirikan oleh bandar-bandar kecil seperti di kawasan kajian.

Kata kunci

Transformasi, Desa-Bandar, Koridor Utara, Wilayah Metropolitan Lanjutan

Abstract

This paper aims to analyse function changes (economic) of small towns in selected small towns along the Northern Corridor of Selangor. Field observation found that traditional functions of the selected small towns in the study area are beginning to change. The functions, such as fertilizer suppliers, agricultural equipment shops and fruit stores has deteriorated. However, functions that are more global such as hypermarket, courier services and hotels are growing up. This findings are the first indication to prove that globalisation processes has rendered a big role in influencing the changes of functions in the study area. This findings also indicated that the Klang-Langat

Metropolitan Region (WMKL) are now spread beyond their external zone which are characterised by small towns such as in this study area.

Keywords

Transformation, Urban-Rural, North Corridor, Extended Metropolitan Region

Pengenalan

Globalisasi merujuk kepada satu proses perubahan (Pizarro *et al.*, 2003). Dalam perspektif yang lebih luas, (Short & Kim, 1999) menegaskan bahawa globalisasi sebagai proses perubahan yang amat pantas dan memberi impak kepada tiga perkara utama iaitu ekonomi, budaya dan politik. Tambah (Short & Kim, 1999) lagi, memandangkan bandar merupakan pusat kepada aktiviti ekonomi, budaya dan politik, maka apabila fenomena globalisasi yang berlaku dengan pesat, secara tidak langsung memberi impak kepada sesebuah bandar. Kajian terdahulu pernah meramalkan bahawa globalisasi akan memberi perubahan kepada bandar dari pelbagai perspektif antaranya daripada aspek teori kewujudan dan pertumbuhan bandar, sistem dan fungsi semasa bandar serta hubungan antara kawasan pusat dengan kawasan pinggir dalam konteks perancangan dan pembangunan bandar (Pizarro *et al.*, 2003).

Globalisasi ekonomi khususnya yang berkaitan dengan dasar perdagangan antarabangsa memberi kesan langsung terhadap bandar metropolitan termasuk bandar metropolitan di negara membangun. Penempatan semula aktiviti pembuatan, khususnya pemasangan dan pengeluaran bahan komponen perkakas elektrik dan elektronik yang menggunakan tenaga buruh kurang mahir di luar negara maju menyebabkan bandar metropolitan di negara membangun dan pinggir bandar menerima kemasukan pelaburan asing yang agak besar. Globalisasi telah mewujudkan penumpuan ekonomi di bandar-bandar besar dan dalam jangka masa tertentu membantu kewujudan sebuah bandar raya mega. Di Malaysia, perkembangan bandar telah berlaku dengan pesat dan beberapa bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan George Town telah membentuk wilayah metropolitan masing-masing. Bagi sebuah wilayah metropolitan, fokus diberikan dengan melihat fungsi bandar raya utama dalam proses percantuman bandar-bandar yang berdekatan dalam membentuk satu koridor pembangunan bandar (Anuar, 2006).

Pada masa ini, berlaku perkembangan yang pesat terhadap pusat perindustrian baru di sepanjang koridor selatan (Kuala Lumpur-Seremban). Kawasan perindustrian baru di pinggir bandar seperti Balakong, Bandar Baru Bangi dan Beranang di Hulu Langat; Nilai dan Seremban Dua di Negeri Sembilan adalah antara kawasan yang sedang pesat membangun di koridor tersebut. Selain itu, kawasan perindustrian baru juga turut berkembang di beberapa kawasan di Kuala Langat, Hulu Selangor dan Kuala Selangor yang masing-masing terletak tidak jauh dari Lembah Klang. Peluasan kawasan perindustrian ke pinggiran wilayah metropolitan telah menggalakkan perkembangan

bandar baru dan bandar sedia ada di daerah tersebut. Hal ini mencetuskan proses pembandaran desa dan meluaskan lagi sempadan wilayah bandar raya metropolitan (Katiman, 2007). Bandar-bandar kecil yang berada di sepanjang kawasan pinggiran (koridor) tersebut mula menerima limpahan pembangunan dan beransur-ansur berubah fungsi ekonominya.

Artikel ini cuba untuk menganalisis perubahan fungsi ekonomi bandar kecil di beberapa buah bandar kecil terpilih di Koridor Utara Negeri Selangor. Beberapa buah bandar kecil yang terletak dalam zon luaran Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat (WMLKL) dikenal pasti dan dianalisis penawaran fungsinya bagi memastikan adakah wujud fungsi-fungsi ekonomi yang bersifat lebih moden seiring dengan proses globalisasi yang berlaku ataupun bandar-bandar kecil ini masih kekal menawarkan fungsi-fungsi tradisionalnya.

Perubahan fungsi bandar kecil akibat globalisasi: satu perspektif

Bandar kecil memainkan peranan penting dalam proses pembangunan. Ia dianggap sebagai saluran utama bagi membangunkan kawasan sekitar. Umumnya, aktiviti ekonomi di bandar-bandar kecil dan kawasan pengaruhnya sangat bergantung kepada pertanian. Oleh yang demikian asasnya, bandar kecil hanya merupakan tempat pertukaran barang-barang bagi perniagaan tani di peringkat tempatan sahaja (Khaw, 1985). Selain itu, bandar kecil juga dilihat berperanan sebagai pusat pengumpulan barang-barang untuk diedarkan ke pusat-pusat petempatan lain yang lebih kecil yang terletak di sekitarnya (Hamidah, 1981).

Bandar kecil di negara membangun lazimnya mempunyai ciri kefungisian (fungsi ekonomi) yang tertentu dan bercirikan pertanian/ekonomi sara diri. Menurut Owusu (2005) di Ghana dan Parhanse (2007) di Afrika Selatan, majoriti penduduk di bandar-bandar kecil di negara tersebut masih lagi bergantung pada aktiviti yang berasaskan pertanian sebagai kegiatan ekonomi utama penduduk. Bagaimanapun, di China, kebelakangan ini proses penggantung penduduk bandar kecil terhadap aktiviti berkaitan pertanian semakin berkurangan (Kirkby *et al.*, 2000 & Li & An, 2009).

Dalam konteks Asia Tenggara pula terutamanya bagi bandar-bandar besar yang telah membentuk wilayah pembandaran mega yang tersendiri, pembandaran desa di pinggiran metropolitan ini berlaku melalui perkembangan pengangkutan bandar yang menggalakkan mobiliti penduduk dan perkembangan guna tanah perumahan, perindustrian, perdagangan, perkhidmatan khususnya ruang pejabat, institusi pendidikan dan perniagaan runcit berskala besar ke kawasan tersebut (Hugo, 1996 & Hugo, 2003). Di wilayah Jabodetabek, Indonesia, perubahan guna tanah dari yang berasaskan pertanian kepada yang berasaskan bukan pertanian berlaku dengan pesat untuk tempoh 30 tahun kebelakangan ini (Tommy, 2000). Di Bogor sahaja, berlaku penurunan keluasan bagi kawasan hutan, hutan simpan serta kawasan pertanian sawah padi yang drastik bagi tempoh 1990-2001 dan dalam masa yang sama keluasan bagi kegunaan perumahan dan aktiviti pertanian semakin bertambah (Tommy, 2000).

Di wilayah metropolitan Bangkok pula jumlah keseluruhan pekerja dalam sektor pertanian ialah 5.9 peratus pada tahun 2000 berbanding hampir separuh pada tahun 1990. Di zon dalaman pula, berlaku penurunan pekerja dalam sektor pertanian iaitu daripada 13 peratus pada tahun 1990 kepada 5.5 peratus pada tahun 2000. Namun begitu, pertambahan pekerja dalam sektor pembuatan berlaku dengan drastik. Pada tahun 2000, kira-kira 18 peratus dalam zon teras terlibat dalam sektor pembuatan, manakala zon dalaman pula kira-kira 38 peratus (Sutiprapa *et al.*, 2008). Ini menunjukkan bahawa perkembangan wilayah metropolitan Bangkok sudah mula menyebarkan ke zon dalaman dan seterusnya luaran yang akhirnya akan memberi kesan terhadap penglibatan dalam sektor pekerjaan dan seterusnya perubahan fungsi bandar. Rumusnya, bandar-bandar kecil di pinggir Wilayah Metropolitan di kawasan-kawasan yang dibincangkan ini telah berubah hasil dari rebakkan kawasan teras. Perubahan ini berlaku dalam pelbagai bentuk seperti guna tanah dan perubahan sektor pekerjaan. Perubahan-perubahan ini berperanan dalam mempengaruhi perubahan fungsi ekonomi bandar-bandar kecil di kawasan pinggir.

Di Malaysia pula, perubahan yang serupa telah dapat dikesan. Proses perindustrian yang menumpu ke kawasan teras telah menyebabkan metropolis Kuala Lumpur dan bandar besar lain di kawasan WMLLKL mengalami pertumbuhan yang pesat. Perkembangan bandar raya metropolitan dan bandar-bandar besar ini telah merentasi kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama, apabila keadaan di kawasan teras menjadi tepu, aktiviti pembuatan dan perindustrian mula menyebarkan ke pinggir. Kawasan teras pula menjadi tumpuan aktiviti perkhidmatan yang lebih moden. Kadar pertambahan penduduk di kawasan teras seperti Kuala Lumpur semakin perlahan sebaliknya kadar pertumbuhan penduduk bandar kecil di kawasan pinggir pula semakin pesat. Penduduk mula mendiami pinggir khususnya ke kawasan peri-bandar. Bandar kecil seperti Banting, Kuala Selangor, Salak Tinggi, Hulu Yam, Semenyih, Dengkil, Rawang, Serendah, Sepang, Batang Berjuntai dan Rasa, telah mengalami pertumbuhan penduduk dan ekonomi yang pesat hasil dari fenomena globalisasi ini (Katiman, 2007). Pemandaran membawa kepada perubahan pekerjaan penduduk dari yang berasaskan pertanian kepada yang lebih mengkhusus seperti perindustrian dan perkhidmatan. Perubahan pekerjaan penduduk ini akhirnya mempengaruhi perubahan fungsi bandar-bandar kecil berkenaan (Yazid *et al.*, 2012).


Metodologi

Tujuan artikel ini ialah menganalisis perubahan fungsi (ekonomi) bandar kecil di beberapa buah bandar kecil terpilih di Koridor Utara Negeri Selangor. Bagi memenuhi tujuan kajian ini, pelbagai data digunakan seperti data primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui kajian lapangan fungsi bandar serta temu bual berstruktur dengan pegawai dan individu yang berkaitan. Oleh yang demikian, perbincangan dan penghuraian penemuan adalah berasaskan daripada data primer yang diperoleh melalui kajian di lapangan serta data sekunder yang diperoleh daripada sumber-sumber/bahan

bertulis dan bercetak terutamanya laporan banci penduduk dan perumahan 1980-2010, Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur Negeri Selangor dan Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor) dan bahan bercetak/bertulis yang berkaitan.

Umumnya kajian ini dijalankan di daerah Hulu Selangor merupakan salah satu daerah yang terdapat di negeri Selangor Darul Ehsan. Daerah Hulu Selangor merupakan daerah yang terbesar iaitu berkeluasan 174,047 hektar daripada sembilan buah daerah lain di negeri Selangor. Hulu Selangor mempunyai 13 mukim iaitu Hulu Bernam, Kalumpang, Kuala Kalumpang, Sungai Gumut, Sungai Tinggi, Kerling, Ampang Pecah, Buloh Telur, Pertak, Rasa, Batang Kali, Ulu Yam, dan Serendah. Jumlah keseluruhan penduduk dalam daerah ini pula ialah seramai 198,132 pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011).

Secara khususnya kajian ini difokuskan di Batang Kali dan Bukit Beruntung iaitu dua buah bandar kecil yang terletak di sepanjang Koridor Utara Negeri Selangor yang merupakan jalan lama dari Perak ke Kuala Lumpur sebelum adanya Lebuhraya Utara-Selatan. Pada ketika ini koridor utara ini lebih bersifat peri-bandar dan majoriti guna tanahnya terdiri dari guna tanah pertanian. Namun demikian, kerana perkembangan WMLLKL dilihat mula tersebar ke 'zon luaran' maka proses globalisasi dilihat akan memberi kesan kepada bandar-bandar kecil di sepanjang koridor ini. Tambahan pula, kedua-dua kawasan kajian terletak berhampiran dengan bandar Rawang yang kini semakin pesat berubah.



Rajah 1 Kawasan Kajian dan Bandar Keil Lain di Sepanjang Koridor Utara Negeri Selangor

Penemuan dan Perbincangan

Hasil kajian ini merujuk kepada tiga penemuan utama yang berkaitan dengan perubahan fungsi di Batang Kali dan Bukit Beruntung yang mempunyai jumlah penduduk seramai 4,205 orang (Batang Kali) dan 20,200 orang (Bukit Beruntung) pada tahun 2010. Kedua-duanya merupakan bandar kecil berdasarkan klasifikasi penduduknya. Memandangkan daripada segi lokasi, kedua-dua bandar kecil ini merupakan yang paling hampir dengan WMLLKL jadi kesan limpahan yang membawa kepada perubahan fungsi amat ketara untuk dibincangkan. Perubahan-perubahan ini walaupun kecil, namun ia signifikan dalam mengesan pengaruh limpahan pembandaran terhadap fungsi bandar di kawasan kajian.

Kemerosotan fungsi-fungsi tradisional bandar kecil

Menurut Rondinelli (1983) serta Satterthwaite dan Tacoli (2003a & 2003b) bandar kecil berperanan sebagai pusat pemasaran produk pertanian dan juga pusat bagi pengeluaran/pengagihan barangan/perkhidmatan bagi kawasan luar bandar. Biasanya, bandar kecil merupakan tempat untuk penduduk mendapatkan barangan-barangan asas pertanian seperti baja dan alat-alatan pertanian (cangkul, sabit, pisau toreh dan sebagainya). Selain itu ia juga merupakan lokasi bagi petani memasarkan sayur, buah-buahan dan hasil ternakan mereka. Oleh itu, sewajarnya kedua-dua kawasan ini (Batang Kali dan Bukit Beruntung) menawarkan banyak fungsi yang menyokong aktiviti yang berasaskan pertanian.

Namun begitu, keadaan ini tidak berlaku. Penemuan di lapangan jelas mendapati bahawa di Batang Kali dan Bukit Beruntung berlaku kemerosotan fungsi yang menyokong peranan sesebuah bandar kecil daripada aspek pemasaran dan penyediaan keperluan pertanian. Sebagai contoh, tiada fungsi pembeli getah/kelapa sawit di kedua-dua kawasan kajian, selain hanya wujud sebuah kedai baja/alat pertanian di Batang Kali. Manakala wujud lima (5) buah kedai basikal di kawasan kajian (Jadual 1).

Jadual 1 Fungsi Perkhidmatan Tradisional Bandar Kecil

Jenis Fungsi	Batang Kali	Bukit Beruntung
Pembeli getah dan kelapa sawit berlesen	0	0
Kedai Baja/Alat Pertanian	1	0
Kedai Basikal	4	1

Walaupun bagaimanapun, indikator kedai basikal sebagai pengukur fungsi bandar kecil boleh dipertikaikan kerana dalam dunia kemodenan hari ini basikal bukanlah sebuah alat pengangkutan yang utama sebaliknya ia lebih kepada aktiviti riadah dan gaya hidup. Walaupun begitu, dalam artikel ini sengaja dimasukkan untuk menunjukkan bahawa kedai basikal merupakan suatu fungsi utama bandar kecil pada masa lalu.


Penawaran Fungsi Automotif dan Barangan Kemudahan Rumah

Selain daripada penawaran barangan dan perkhidmatan berasaskan pertanian yang semakin rendah, penawaran fungsi automotif dan barangan kemudahan rumah yang semakin menggalakkan merupakan satu petunjuk bahawa kawasan kajian sedang mengalami perubahan fungsi. Majoriti penduduk di kawasan pinggiran metropolitan umumnya tidak terlibat dalam sektor pertanian. Biasanya penduduk di kawasan pinggiran merupakan golongan pekerja dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan seperti di Jakarta dan Bangkok (Tommy, 2000 & Sutiprapa *et al.*, 2008). Begitu juga halnya dengan kawasan kajian. Kewujudan golongan yang berpendapatan tetap terutamanya sederhana menjadikan permintaan bagi barangan fungsi automotif dan kemudahan rumah bertambah (Jadual 2).

Jadual 2 Fungsi Perkhidmatan Automotif dan Barangan Kemudahan Rumah

Jenis Fungsi	Batang Kali	Bukit Beruntung
Kedai alat ganti, servis kenderaan/Tayar/Bateri/Aksesori	51	11
Kedai Menjual/Membaiki Motosikal	13	7
Kedai Mencuci Kereta	5	6
Kedai Menjual Kereta	1	4
Kedai Perkakas/Jual Peralatan Elektrik	12	2
Kedai Perabot	11	4

Berdasarkan Jadual 2, didapati penawaran untuk barangan yang berkaitan dengan automotif sangat menggalakkan terutamanya di Batang Kali. Kewujudan sejumlah 51 unit fungsi kedai alat ganti, servis kenderaan/tayar/bateri/aksesori di Batang Kali dan 11 di Bukit Beruntung menunjukkan bahawa wujud permintaan yang tinggi terhadap automotif dalam kalangan penduduk kawasan kajian. Ini disokong dengan kewujudan lima (5) unit fungsi kedai menjual kereta dan 11 unit fungsi kedai mencuci kereta.



Rajah 2 Penawaran Perkhidmatan Automotif dan Barangan Kemudahan Rumah di Kawasan Kajian

Selain itu, penawaran fungsi kedai perkakas elektrik dan perabot yang tinggi di kedua-dua buah kawasan juga merupakan petunjuk bahawa kawasan kajian sedang berubah. Penawaran perkakas elektrik dan perabot yang tinggi menggambarkan wujudnya permintaan yang tinggi dalam kalangan penduduk. Selain itu, ia juga menunjukkan kemampuan penduduk untuk memiliki peralatan elektrik dan perabot yang sinonim dengan gaya hidup perhiasan moden kediaman pada hari ini. Ini petunjuk bahawa daripada segi gaya, penduduk sudah mula berubah selain daripada segi kemampuan kerana perubahan pekerjaan kepada yang bukan berasaskan pertanian menjadikan penduduk semakin 'mampu' untuk memiliki barangan dan perkhidmatan seperti yang berasaskan automotif dan barangan kemudahan rumah (Rajah 2).

Penawaran Fungsi yang Lebih Moden dan Bersifat Global

Proses globalisasi mengakibatkan aktiviti pembuatan tidak lagi bertumpu di zon teras wilayah metropolitan lanjutan. Sebaliknya fungsi perkhidmatan moden, yang terdiri dari pelbagai aktiviti perkhidmatan daripada perdagangan, peruncitan, perhotelan, kewangan, pengkomputeran, penghantaran, perkapalan dan agensi perkhidmatan profesional lain bertumpu di zon teras Kuala Lumpur (Katiman, 2007). Namun begitu, pengaruh globalisasi turut menyebarkan fungsi-fungsi perkhidmatan moden ini ke kawasan lain.

Sebagai contoh, pengaruh globalisasi yang berlaku di Koridor Kemaman-Dungun menyebabkan wujudnya fungsi ekonomi moden dan bersifat global seperti pasar raya moden, *cash and carry*, perunding, pengangkutan, perjalanan/tiket, ejen perantara/hantaran laju/khas, pembekal, peralatan makmal/keselamatan, perunding pengurusan dan lain-lain di bandar-bandar kecil yang terlibat seperti kemaman, Chukai dan Dungun (Katiman, 2005). Begitu juga halnya dengan kawasan kajian. Proses globalisasi sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap perubahan dalam penawaran fungsi. Fungsi-fungsi yang lebih berciri kemodenan dan bersifat global sudah mula dapat dikesan di kawasan kajian. Kewujudan dua buah pasar raya besar di kawasan kajian (Econsave di Batang Kali dan Tesco di Bukit Beruntung) menunjukkan bahawa wujudnya keperluan dalam kalangan penduduk untuk membeli belah di sebuah pasar raya yang bersifat *one stop center* dan seterusnya mula meninggalkan amalan membeli secara runcit (Jadual 3).

Jadual 3 Penawaran Fungsi yang Lebih Moden dan Bersifat Global

Jenis Fungsi	Batang Kali	Bukit Beruntung
Pasar Raya Besar/Cash & Carry	2	1
Ejen Insurans/Takaful/	5	2
Ejen Perjalanan/Tiket	2	1
Syarikat Kurier/Penghantar	1	2
Hotel/ Rumah tumpangan	1	3

Selain itu, kewujudan penawaran fungsi-fungsi ekonomi moden yang lain seperti ejen insurans/takaful, ejen tiket, syarikat kurier serta hotel pada jumlah yang memuaskan merupakan petunjuk awal bahawa kawasan kajian sedang menerima limpahan globalisasi ekonomi dari kawasan teras wilayah metropolitan.



Rajah 3 Pasar raya besar di Kawasan Kajian

Kesimpulan

Pada keseluruhannya, analisis perubahan fungsi bandar di kedua-dua buah pusat petempatan ini menunjukkan bahawa penawaran barangan dan perkhidmatan bagi kegunaan penduduk di kawasan ini dan kawasan lingkungan pengaruhnya telah berubah menjadi lebih maju dan moden. Ketiadaan penawaran fungsi berasaskan pertanian serta penawaran fungsi-fungsi ekonomi moden dan bersifat global merupakan petunjuk-petunjuk awal ke arah proses transformasi ruang di kawasan kajian. Walaupun untuk mengatakan bahawa kawasan kajian telah berubah keseluruhannya akibat globalisasi adalah tidak adil tanpa membuat penelitian terhadap perubahan guna tenaga, perubahan guna tanah serta kemasukan modal/pelaburan dari dalam mahupun luar negeri, namun asasnya sudah terlihat iaitu kawasan kajian sedang berubah.

Hakikatnya, perkembangan WMLLKL adalah sangat cenderung untuk mengubah kawasan pinggir di koridor selatan negeri Selangor kerana kebanyakan projek mega kerajaan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru di Putrajaya, bandar raya siber (Cyberjaya), medan lumba kereta Formula-One terletak di sebelah sana (Katiman, 2007). Pusat-pusat petempatan kecil yang terletak di sebelah koridor selatan Negeri Selangor seperti Banting, Dengkil dan Teluk Penglima Garang kini mulai berubah fungsinya. Namun begitu, kesan perkembangan WMLLKL di Koridor Utara Negeri Selangor tidak harus di perkecilkan. Melalui masa, perancangan dan suntikan pelaburan yang tinggi, pusat petempatan kecil kawasan ini (Koridor Utara Negeri Selangor) juga mampu berkembang kerana mempunyai kelebihan-kelebihan yang sama seperti di koridor selatan. Artikel ini merupakan kajian awalan yang meneliti perubahan fungsi

dua buah pusat petempatan di kawasan koridor utara Negeri Selangor. Kajian ini hanya meneliti elemen kefungsiian (ekonomi) yang ditawarkan di kawasan kajian sahaja. Oleh yang demikian, untuk meneliti dengan lebih lanjut proses transformasi yang berlaku di kawasan kajian, penyelidikan yang lebih terperinci perlu dijalankan pada masa hadapan.

Penghargaan

Perbincangan dalam kertas kerja ini adalah sebahagian penemuan daripada penyelidikan yang berjudul 'Mengesan Perubahan Pusat-Pusat Petempatan Kecil di Koridor Utara Negeri Selangor Akibat Limpahan Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat' di bawah peruntukan Geran Pembudayaan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (RAGS) (2013-0016-106-72)

Rujukan

- Anuar Amir. (2006). Impak limpahan pembandaran ke atas kampung pinggir bandar di wilayah metropolitan. Tesis Dr Falsafah, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Mohamad. (1981). Bandar-bandar terpilih di Negeri Kelantan: aspek hierarki fungsi. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hugo, G. (1996). Urbanization in Indonesia: city-countryside linked. Gugler, J. (pnyt.). *The urban transformation in the developing world*, hlm. 107-125. Oxford: Oxford University Press.
- Hugo, G. (2003). *Urbanization in Asia: an overview*. Kertas kerja di Conference on African Migration in Comparative Perspectives, Johannesburg, Afrika Selatan, 4-7 Jun.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim, 2010*.
- Katiman Rostam. (2005). Transformasi Ekonomi dan Pembandaran di Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu: Keterlibatan Isi Rumah Melayu. *Sari* (23) (2005). 15-36.
- Katiman Rostam. (2007). Transformasi desa-bandar di pinggiran Wilayah Metropolitan: beberapa bukti di sekitar Dengkil, Malaysia. Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar PKPPM anjuran Universiti Sains Malaysia di Sandy Beach Resort, Pulau Pinang 17-18 Januari 2007.
- Khaw Loo Bean. (1985). Aspek kefungsiian dan peranan pusat-pusat perkhidmatan dalam pembangunan: Kajian kes di daerah Hulu Terengganu. Latihan Ilmiah Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Kirkby, R, Bradbury, I & Shen, G. (2000). *Small town China: governance, economy, environment and lifestyle in Three Zen*. Aldershot: Ashgate Publishing.
- Li, Bingqin & An, Xiangsheng. (2009). Migration and small towns in China: power hierarchy and resource allocation. Working Paper Series on Rural-Urban Interaction and Livelihood Strategies (Paper no 16). International Institute for Development and Environment. July 2009.
- Owusu, G. (2005). The role of district capitals in regional development: linking small towns, urban rural linkages and decentralization in Ghana. PhD Tesis, Geography Department, Faculty of Social Sciences and Technology Management, Norwegian University of Science and Technology. Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan Teknologi, Universiti Sains dan Teknologi Norwegian.

- Parhanse, R. (2007). Peripheral town development: Senqu Municipality, Eastern Cape Province, South Africa. *Urban Forum*. Vol 18: 105-115.
- Pizzaro, R. E., Liang, Wei, & Banerjee, T. (2003). Agencies of globalization and third world urban form: a review. *Journal of Planning Literature* 18(2) : 111- 130.
- Rondinelli, D. A. (1983). *Bandar sekunder di negara membangun: Ke arah dasar pembangunan tersebar (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Satterthwaite, D & Tacoli, C. (2003a). The Role of Small and Intermediate Urban Centre in Regional and Rural Development. Paper Prepared for the workshop *Integrating Rural Development and Small Urban Centres: An Evolving Framework for Effective Regional and Local Economic Development*. 18-19 March 2003, World Bank Headquarters, Washington DC.
- Satterthwaite, D & Tacoli, C. (2003b). The Urban Part of Rural Development: The Role of Small and Intermediate Urban Centres in Rural and Regional Development and Poverty Reduction. Working Paper Series on Rural-Urban Interaction and Livelihood Strategies (Paper no 9). International Institute for Development and Environment. May 2003.
- Short, J.R & Kim, H.Y. (1999). *Globalization and the city*. Edinburgh Gate: Longman.
- Sutiprapa, J, Mitharanon, P, Watana, P & Taestrikul, C. (2008). *Bangkok: Globalising the City of Angel (ms 62-108)* dalam Jones G.W dan Douglass, M (ed.). 2008. Mega Urban Regions in Pasific Asia. Urban Dynamics in a Global Era. Singapore. NUS Press.
- Tommy, F. (2000). Rural to Urban Land Conversion in Indonesia During Boom & Bust Periods. *Land Use Policy*. 17 (1). 13-20.
- Yazid Saleh, Katiman Rostam & Mohd Yusof Hussain. (2012). Perubahan Fungsi Bandar Kecil: Pengalaman Tanjong Malim, Perak. *Akademika*. Vol 82 (3). 11-22